KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




# 24 JAM BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **26 MAC 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: SELASA

TARIKH: 26/3/2024

M/SURAT: 3

# KPDN nafi tamat subsidi tepung gandum RM40j

**Kuala Lumpur**: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menafikan pemberian subsidi tepung gandum bernilai RM40 juta, ditamatkan.

Timbalan Menteri, Fuziah Salleh, berkata peruntukan bagi tujuan itu sebaliknya dialihkan ke butiran perbelanjaan program Payung Rahmah membabitkan dana keseluruhan RM200 juta.

Beliau memaklumkan dana bernilai RM40 juta bagi pemberian subsidi barang itu tidak pernah dituntut, sebelum ini.

"Pada Bajet 2023 ada butiran 040600 iaitu subsidi tepung gandum kegunaan am (bernilai) RM40 juta, manakala Bajet 2024, butiran ini tiada dan ditanya dalam dewan, sebelum ini.

"Ketika itu saya menggulung (perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2024) peringkat Jawatankuasa (bagi KPDN). Semak hansard sebab saya ada jawab, saya ingat Rasah (Cha Kee Chin) yang bertanya.

"Sudah beberapa tahun ia tak pernah dituntut kerana tiada kilang mahu menghasilkan tepung gandum kegunaan am, selain rakyat pun tak pernah minta... yang keluar tepung pelbagai cap," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Mas Ermieyati Samsudin (PN-Masjid Tanah) mengenai penamatan pemberian subsidi tepung gandum kegunaan am, pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.



*Fuziah pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.* (Foto BERNAMA)

## Dijual pada harga RM1.35kg

Subsidi tepung gandum kegunaan am merangkumi pengagihan kuota dan bayaran tuntutan subsidi kepada pengilang tepung gandum bagi memastikan tepung gandum bersubsidi dijual pada harga runcit RM1.35/kg.

Program subsidi tepung gandum kegunaan am membabitkan pengilang tepung gandum dan syarikat perbekalan khas yang diluluskan di bawah Jawatankuasa Induk Program Subsidi Tepung Gandum Kegunaan Am (JIPSTG).

Menjawab soalan asal, Fuziah menafikan pengedaran barangan keperluan bersubsidi pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) lebih baik, berbanding selepas tempoh berkenaan seperti dinyatakan Mas Ermiyati.

Beliau berkata, pengeluaran bulanan minyak masak peket pada tahap maksimum iaitu 60,000 tan tahun lalu, berbanding purata 55,000 tan, pada 2022.

Selain itu, katanya, pengeluaran gula ialah 437,290 tan, manakala pengedaran adalah 430,713 tan tahun lalu, berbanding 437,290 tan pengeluaran dan 430,713 tan pengedaran barangan itu, pada 2022.

"Maksudnya, tidak benarlah jika menyatakan pengedaran barangan bersubsidi lebih baik dan terkawal sebelum PRU15. Data tidak menunjukkan begitu.

"Bagi beras tempatan pula, ia di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994, seliaan sepenuhnya Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

"Kita tahu ia adalah 60 peratus tahap sara diri (SSL) beras tempatan, tetapi saya tak boleh beri maklumat lanjut kerana ia dibawah kawalan sepenuhnya KPKM.

"Jika orang mengadu tiada beras tempatan di pasaran pun, KPDN tiada punca kuasa. Kita cuma salurkan kepada KPKM dan bekerjasama dalam meneliti aduan terbabit," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
HARI: SELASA
TARIKH: 26/3/2024
M/SURAT: 6

# Bekalan barang semakin baik - Fuziah Salleh

**KUALA LUMPUR:** Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh menolak dakwaan bekalan barangan asas sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) lebih baik berbanding pada waktu kini.

Fuziah berkata, berdasarkan fakta, dakwaan yang dibawa Datuk Mas Ermieyati Samsudin (PN-Masjid Tanah) tidak benar dengan menjelaskan bekalan barangan bagi gula dan minyak masak meningkat berbanding 2022.

"Cara Masjid Tanah bertanya soalan seolah-olah kenyataan yang katakan bekalan sebelum PRU lebih baik berbanding selepas PRU-15. Kita bercakap berpandukan fakta dan data, 2022..pengeluaran gula ialah jumlahnya 437,290 metrik tan, manakala pengedaran 430,713 metrik tan secara keseluruhannya.. berbanding 2023, gula 489, 851 dan pengeluaran 471, 241 jumlahnya lebih dari 2023 dari 2022.

"Maksudnya tidak benar PRU-15 lebih baik dari segi pengedarannya barang yang bersubsidi ini.



**FUZIAH SALLEH**

"Minyak masak paket yang kita beri subsidi ini secara purata pengeluaran 2022 purata 55,000 metrik tan bulanan, 2023 maksimum pengeluaran 60,000 metrik tan, jadi 2023 pengeluaran lebih banyak.. maka tidak benar sebelum PRU itu barang lebih terkawal berbanding sebelum PRU. Data tidak menunjukkan begitu," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Mas Ermieyati dalam sesi Pertanyaan-Pertanyaan bagi Jawab Lisan meminta kementerian menyatakan apakah jaminan pihak Kerajaan untuk memastikan barangan keperluan bersubsidi seperti gula, minyak peket dan beras tempatan kembali pulih seperti sebelum PRU15 yang lalu.

Fuziah dalam masa yang sama turut menjelaskan yang beras tempatan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras dan menjelaskan yang kementerian tiada punca kuasa dalam isu ini.

"Kalau tidak ada beras, kita tidak ada punca kuasa, kita cuma salurkan kerjasama dalam KPKM dalam memastikan untuk melihat dan meneliti aduan tersebut," ujarnya lagi.

Kenyataan Fuziah itu kemudiannya disokong Cha Kee Chin (DAP-Rasah), dengan menegaskan harga barangan kini adalah terkawal dan masih lagi stabil.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: SELASA
TARIKH: 26/3/2024
M/SURAT: 12



LILIS SASLINDA beramah mesra dengan peniaga ketika melawat Bazar Ramadan di Angsana Johor Bahru Mall, Johor Bahru kelmarin.

## KPDN periksa 463 gerai bazar Ramadan di Johor

# Kena kompaun gagal letak tanda harga

**Oleh KHAIRUL MOHD. ALI**

**JOHOR BAHRU** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor memeriksa 463 gerai bazar Ramadan bagi tempoh dua minggu pertama puasa.

Pengarahnya, Lilis Saslinda Pornomo berkata, tumpuan pihaknya adalah untuk memantau harga jualan, bekalan bahan mentah dan mesin penimbang.

Sepanjang tempoh Ops Pantau 2024 itu, KPDN Johor mengeluarkan sebanyak dua kompaun kepada peniaga bazar Ramadan.

"Kedua-dua kompaun ini melibatkan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 pelanggaran subperenggan 2(1) kerana gagal meletakkan tanda harga.

"Pemantauan akan diteruskan di lokasi tumpuan seperti bazar Ramadan, bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar basah, pasar raya besar, pasar raya mini, pasar raya, premis borong dan kedai runcit," katanya ketika melawat Bazar Ramadan di Angsana Johor Bahru Mall di sini kelmarin.

KPDN Johor turut mengeluarkan notis tunjuk sebab kepada beberapa peniaga bazar Ramadan ekoran aduan penjualan harga makanan yang mahal.

"Dalam masa sama, kita melakukan advokasi bagi mendidik peniaga supaya menjauhi perbuatan yang salah. Jika masih ingkar, kita akan ambil tindakan tegas," ujarnya.

Beliau memaklumkan, pihaknya menjalankan 16,390 pemeriksaan ke atas pelbagai premis seluruh negeri sejak 1 Januari lalu sehingga kelmarin.

"Hasil pemeriksaan, sebanyak 268 kes berjaya dihasilkan melibatkan pelbagai kesalahan dengan rampasan berjumlah RM16.4 juta. Jumlah denda yang dikeluarkan mahkamah adalah RM246,220, manakala kutipan kompaun pula sebanyak RM47,800," ujarnya.

HARI: SELASA

TARIKH: 26/3/2024

M/SURAT: 5




**COMPLIANCE CHECKS ...** Domestic Trade and Cost of Living Ministry chief enforcement officer Datuk Azman Adam (right) inspecting fireworks during *Ops Pantau* at a Bazar Aidilfitiri stall in Kuala Lumpur. – *BERNAMAPIC*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar

HARI: SELASA
TARIKH: 26/3/2024
M/SURAT: 9

# Sugar incentive merely a short-term measure, says Fuziah

THE government's decision to provide incentives to a sugar refinery company is a temporary measure aimed at curbing potential inflation in food prices, says Fuziah Salleh.

The Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister said these incentives were not intended as a long-term solution and is not comparable to subsidies.

Rather, Fuziah said they were meant to provide support while the government sought more effective strategies through its engagements with industries and small businesses.

She was responding to a question from Ayer Hitam MP Datuk Seri Dr Wee Ka Siong during minister's Question Time at the Dewan Rakyat yesterday.

Dr Wee had raised the issue of a sugar refinery company receiving RM42mil in incentives from the government.

"How can the ministry ensure that this subsidy is utilised effectively and that the benefits of this incentive ultimately reach the people, especially considering the existence of premium sugar which is difficult to distinguish from regular sugar?" he said.

Addressing these concerns, Fuziah highlighted the potential impact of sugar price fluctuations on small-scale enterprises such as bakeries and food stalls.

She said it was important to regulate sugar prices to mitigate inflationary pressures across various sectors, including food and beverage.

"We're not just concerned about domestic consumers. We are also looking out for smaller businesses like those selling kuih bahulu and apam balik as they rely heavily on sugar," she added.

Fuziah acknowledged that while premium sugar was initially introduced to assist manufacturers in mitigating losses, it had not effectively addressed the underlying issues.

"It's imperative that we continue engagement with all parties in the industry including micro, small and medium traders.

"Unchecked increases in sugar prices could have ripple effects, leading to higher costs for consumers and exacerbating inflation.

"We're providing incentives to sugar production in the short term to ensure stability of supply while working towards a holistic and sustainable solution," she said.

Earlier, Fuziah said for every kilogramme of sugar produced, local sugar companies such as MSM Malaysia Holdings Bhd and Central Sugars Refinery Sdn Bhd (CSR) incurred a loss of 88sen.

The government allowed these two local sugar-producing companies, MSM and CSR, to produce clear refined white sugar.

MSM and CSR were told to continue producing 42,000 tonnes of refined white sugar every month.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

HARI: SELASA
TARIKH: 26/3/2024
M/SURAT: 35

# SC terima 3,262 aduan penipuan tahun lalu

**KUALA LUMPUR:** Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) menerima sebanyak 3,262 aduan dan pertanyaan mengenai penipuan dan aktiviti tidak berlesen pada tahun lalu, peningkatan tiga kali ganda dalam tempoh lima tahun lalu.

Pengerusinya, Datuk Seri Dr. Awang Adek Hussin berkata, berdasarkan Laporan Tahunan 2023 yang dikeluarkan, pihaknya hanya menerima 774 aduan dan pertanyaan berhubung aktiviti terbabit pada 2019.

"Selama bertahun-tahun, kami melihat banyak kejadian individu atau entiti telah ditipu, diperdaya, diberikan maklumat palsu serta didesak untuk memberikan wang dan simpanan persaraan mereka oleh aktiviti penipuan licik yang menjanjikan pulangan dan faedah yang sangat lumayan.

"Aktiviti demikian juga dicerminkan dalam peningkatan dari jumlah aduan dan pertanyaan yang diterima oleh SC iaitu mengenai aduan dan pertanyaan yang kebanyakannya berdasarkan penipuan dan aktiviti tidak berlesen," katanya dalam sidang akhbar sempena penerbitan laporan kewangan SC 2023.

Dalam sesetengah kes, SC memaklumkan, penipu menyalahgunakan nama agensi seperti SC, Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pengantara berlesen, visual selebriti tempatan dan pemimpin agama untuk memberi jaminan kesahihan terhadap skim pelaburan terbabit.

SC berkata, penggunaan platform media sosial, khususnya Facebook dan Telegram terus menjadi mod utama pelaku untuk menjalankan aktiviti haram pada 2023.

"Modus baharu diperhatikan pada 2023 adalah penggunaan e-dompet dan mata wang kripto sebagai cara pembayaran yang membabitkan penipuan pelaburan, berbanding akaun bank keldai yang digunakan sebelum ini.

"Memandangkan taktik yang berubah-ubah oleh pelaku, SC kekal melaksanakan pemantauan dan pengawalseliaan yang berterusan untuk mengurangkan risiko entiti terkawalnya, berpotensi untuk digunakan sebagai saluran aktiviti haram," katanya.

Dalam laporan tahunan itu, pihaknya telah memperoleh lima sabitan jenayah dan denda sebanyak RM8.7 juta bersama RM4.8 juta penalti sivil yang dikenakan oleh mahkamah pada 2023.

Katanya, SC juga telah melunaskan RM13.8 juta menurut penyelesaian kawal selia yang dibuat dengan enam orang dalam kes berasingan serta sebanyak 140 sekatan pentadbiran telah dikenakan yang menyebabkan SC mengenakan denda dan penalti berjumlah RM19.5 juta.

"SC terus mengekalkan tumpuan yang kukuh untuk menggalakkan tadbir urus korporat yang baik (CG) dan dalam penilaian tadbir urus korporat ACGA 2023, SC mengekalkan kedudukan kelima dalam kalangan 12 pasaran Asia- Pasifik.

"Melalui itu, SC telah meningkatkan usaha untuk melindungi pelabur dan memerangi penipuan dengan mewujudkan Pasukan Petugas Dalaman.

"Ini untuk menyelaras campur tangan anti-penipuan, mempertingkatkan halaman 'senarai peringatan pelabur' serta membangunkan platform seperti pemeriksa pelaburan dan meter penipuan untuk pelabur," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: SELASA
TARIKH: 26/3/2024
M/SURAT: 3

# Harga tinggi, terikat hutang punca pesawah jual kepada pengilang besar

## Kemampuan kewangan bolehkan pihak terbabit kuasai seluruh rantaian pengeluaran padi

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

**Alor Setar:** Jawatankuasa Bertindak Petani MADA mendedahkan, majoriti pesawah tempatan sememangnya menjual hasil padi mereka kepada pengilang besar, kerana tawaran harga belian yang tinggi diterima, selain ada yang terikat dengan hutang.

Pengerusinya, Che Ani Mat Zain, berkata tradisi menjual hasil padi kepada pengilang besar terutama di Kedah bermula sejak negara belum mencapai kemerdekaan lagi, sebelum muncul pengilang Bumiputera yang turut membeli padi seperti ketika ini.

Beliau berkata, adalah tidak mengejutkan apabila pengilang besar memonopoli pembelian hasil padi kerana ramai pesawah berasa selesa menjual kepada kilang berkenaan dengan mereka turut memberi manfaat sampingan, selain hasil jualan padi.

"Pesawah jual hasil kepada kilang besar memang sudah lama berlaku kerana mereka menguasai perniagaan jual beli padi secara tradisi dan mampu tawarkan harga lebih tinggi sehingga mungkin ada tiga generasi pesawah jual padi kepada pengilang sama.

"Contohnya harga belian padi semasa adalah RM1,750 per tan, tetapi ada pengilang besar tawarkan harga sehingga RM1,900 per tan, sudah semestinya pesawah akan jual pada pengilang yang tawar harga lebih tinggi kerana mahu untung.

"Kira-kira dua bulan sebelum musim menuai bermula, broker pengilang besar ini sudah masuk ke kampung cari pesawah dan tawarkan bayaran pendahuluan jualan hasil padi, makna secara automatik pesawah yang ambil bayaran pendahuluan menjadi terikat," katanya kepada *BH* semalam.

### Urusan jual beli sah

Mengulas lanjut Che Ani berkata, adalah sukar bagi menghalang pesawah menjual hasil padi kepada pengilang besar kerana ia tidak menyalahi undang-undang, selain ia mengikut urusan jual beli yang sah.

Katanya, sekiranya kerajaan benar mahu memecahkan monopoli pengilang besar, maka seharusnya pengilang Bumiputera mengikut langkah sama atau kerajaan memberikan insentif khas kepada pesawah yang menjual padi kepada mereka.

"Pengilang besar memiliki sesuatu yang tidak dimiliki pengilang Bumiputera iaitu kemampuan kewangan yang besar sehingga mampu menawarkan 'insentif' kepada pesawah yang menjual padi kepada mereka.

"Pengilang sama juga membenarkan pesawah mengambil benih padi, racun dan baja terlebih dahulu selain menawarkan sewaan jentera dan lori dengan semua bayaran akan ditolak selepas hasil jualan padi diperoleh.



*Kerajaan perlu beri insentif kepada pesawah jika mahu pecah monopoli pengilang besar.* (Foto hiasan)

"Ini bermakna pengilang besar sudah menguasai keseluruhan sistem rantaian pengeluaran padi bermula dari waktu menanam sehingga menjual padi mereka sudah mengawal pesawah sejak sekian lama," katanya.

*BH* dalam laporannya kelmarin, mendedahkan hanya lima peratus atau 7,000 daripada 140,000 tan beras tempatan berada di kilang kecil pemprosesan padi milik Bumiputera, manakala selebihnya dipegang kilang besar.

Perkara itu didedahkan Setiausaha Persatuan Pengilang Beras Bumiputera Malaysia (PPBMM), Musonnef Md Radzi yang meminta kerajaan menetapkan kuota belian padi agar pengilang kecil dapat sama membeli padi selain bagi membolehkan mereka kembali bernafas.

> Pengilang besar sudah menguasai keseluruhan sistem rantaian pengeluaran padi bermula dari waktu menanam sehingga menjual padi mereka sudah mengawal pesawah sejak sekian lama
>
> ***Che Ani Mat Zain,*** *Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Petani MADA*



theSun

HARI: SELASA
TARIKH: 26/3/2024
M/SURAT: 3

# Expect to pay more for produce, consumers told

## Escalating costs, labour shortage among factors leading to increase in price due to supply issues

BY SIVANISVARRY MORHAN
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** Consumers have been told to brace themselves for a pending increase in prices of fruits and vegetables as production in Cameron Highlands is expected to fall by between 30% and 40%.

Cameron Highlands Malay Farmers Association chairman Datuk Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid told *theSun* that cabbage, *kailan*, mustard greens, tomatoes, chilies and eggplants will be affected.

"We warned of the potential 40% drop in vegetable supply due to escalating costs and the labour crisis as a result of Muslim foreign workers from Bangladesh, Indonesia and Nepal returning to their home countries during Ramadan, but it was taken lightly.

"The workers play a crucial role in the sector as locals tend to shy away from physically demanding but low-paying farm jobs. So we have little choice but to depend on foreign workers for the agriculture sector."

Syed Abd Rahman said after years of staying and working in Malaysia, a significant percentage of the workers opted not to return due to the high cost of living.

He said their absence worsened the labour shortage in the agriculture sector.

Responding to criticism about the migrant population in the country, Syed Abd Rahman said while they represent a substantial presence, just like locals, not all of them are eager to work in agriculture.

"Migrant workers also have their preferences and capabilities. While some are adept at farming, others struggle to adapt to the demands of the sector.

"So it is essential to recognise the differences among migrant workers and their suitability for employment in agriculture."

Syed Abd Rahman also said the government's May 31 deadline for the entry of foreign workers presents a challenge for farm owners who rely on new workers to replenish their labour force.

"There is no quick fix for the labour shortage because new workers are expected to arrive only after Hari Raya. So to make it easier for farmers, the government can grant legal status to undocumented migrant workers who are already in the country."

The Penang Vegetable Farmers Association criticised Mydin Mohamed Holdings Bhd managing director Ameer Ali Mydin over his remarks that the agriculture sector is using the shortage of foreign workers as an excuse to raise prices.

Its deputy chairman Ibrahim Roslam said: "Ameer's statement does not make sense. The shortage of workers negatively impacts farmers and consumers, who must ultimately bear the consequences.

"Decreased supply inevitably leads to increased prices," he said.

On March 20, Ameer urged vegetable farmers to "stop making excuses" to justify a price hike.

Ameer said there ought to be sufficient supply of labour, and that the government had previously approved the recruitment of a significant number of foreign workers for the plantation industry.

Ibrahim said apart from the labour shortage, weather conditions and seed supply substantially impacted production.

"When vegetable prices go up, people usually blame the farmers.

"However, farmers can't always prevent crop failure due to bad weather or poor seeds.

"There isn't much farmers can do about such matters.

"Without adequate manpower to harvest, process, and distribute the vegetables, we may struggle to meet market demands during the festive season.

"This will lead to potential shortages, price hikes, and consumer dissatisfaction," he said.



Weather conditions and poor seed supply also play a part in declining vegetable production. – SYED AZAHAR SYED OSMAN/THESUN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 26 MAC 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 26-Mar | Pengeluaran barangan bersubsidi tahun 2023 lebih baik – Fuziah | https://www.buletintv3.my/nasional/pengeluaran-barangan-bersubsidi-tahun-2023-lebih-baik-fuziah/ | BULETIN TV3 |
| 26-Mar | Subsidi tepung gandum tak ditamatkan, alih ke Payung Rahmah | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1227551/subsidi-tepung-gandum-tak-ditamatkan-alih-ke-payung- | BERITA HARIAN |
| 26-Mar | Subsidi tepung gandum kegunaan am dialihkan di bawah Payung Rahmah | https://malaysiagazette.com/2024/03/25/subsidi-tepung-gandum-kegunaan-am-dialihkan-di- | MALAYSIA GAZETTE |
| 26-Mar | Kuota minyak masak paket tidak berubah | https://suarasarawak.my/kuota-minyak-masak-paket-tidak-beruba/ | SUARA SARAWAK |
| 26-Mar | Dakwa barang subsidi kurang, Fuziah bidas Mas Ermieyati cakap tidak berfakta | https://malaysiagazette.com/2024/03/25/dakwa-barang-subsidi-kurang-fuziah-bidas-mas-ermieyati-cakap-tidak- | MALAYSIA GAZETTE |
| 26-Mar | Ops Pantau 2024: KPDN rekod 84 kes dengan nilai rampasan RM414,000 | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ops-pantau-2024-kpdn-rekod-84-kes-dengan-nilai-rampasan-rm414000-463726 | ASTRO AWANI |
| 26-Mar | Ops Pantau 2024: KPDN rekod 84 kes dengan nilai rampasan RM414,000 | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1227494/ops-pantau-2024-kpdn-rekod-84-kes-dengan-nilai- | BERITA HARIAN |
| 26-Mar | 20,854 premis diperiksa sepanjang Ops Pantau | https://malaysiagazette.com/2024/03/25/20854-premis-diperiksa- | MALAYSIA GAZETTE |
| 26-Mar | Op Pantau 2024: KPDN catat nilai rampasan lebih RM400,000 sepanjang 12 hari | https://www.melakahariini.my/op-pantau-2024-kpdn-catat-nilai-rampasan-lebih-rm400000-sepanjang-12-hari/ | MELAKA HARI INI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 26-Mar | OPS PANTAU 2024: KPDN CATAT NILAI RAMPASAN LEBIH RM400,000 SEPANJANG 12 HARI | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2282337 | BERNAMA |
| 26-Mar | KPDN catat nilai rampasan lebih RM400,000 sepanjang 12 hari Ops Pantau | https://selangorkini.my/2024/03/kpdn-catat-nilai-rampasan-lebih-rm400000-sepanjang-12-hari-ops-pantau/ | SELANGOR KINI |
| 26-Mar | Ops Pantau 2024: KPDN catat nilai rampasan lebih RM400,000 sepanjang12 hari | https://www.wilayahku.com.my/ops-pantau-2024-kpdn-catat-nilai-rampasan-lebih-rm400000-sepanjang12-hari/ | WILAYAHKU |
| 26-Mar | Ops Pantau 2024: KPDN seizes goods worth over RM400,000 nationwide | https://www.theborneopost.com/2024/03/25/ops-pantau-2024-kpdn-seizes-goods-worth-over-rm400000-nationwide/ | THE BORNEO POST |
| 26-Mar | Domestic Trade Ministry seizes goods worth more than RM400,000 | https://themalaytribune.com/domestic-trade-ministry-seizes-goods-worth-more-than-rm400000/ | THE MALAY TRIBUNE |
| 26-Mar | Domestic Trade Ministry seizes goods worth more than RM400,000 | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/25/domestic-trade-ministry-seizes-goods-worth-more-than-rm400000/125332 | MALAY MAIL |
| 26-Mar | Ops Pantau 2024: KPDN catat nilai rampasan lebih RM400,000 dalam 12 hari | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1073618/ops-pantau-2024-kpdn-catat-nilai-rampasan-lebih-rm400000-dalam-12-hari | HARIAN METRO |
| 26-Mar | Ops Pantau 2024: KPDN catat nilai rampasan lebih RM400,000 dalam 12 hari | https://themalaytribune.com/ops-pantau-2024-kpdn-catat-nilai-rampasan-lebih-rm400000-dalam-12-hari/ | THE MALAY TRIBUNE |
| 26-Mar | Tular video di media sosial, banyak bukti dihapuskan sebelum KPDN siasat | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1227509/tular-video-di-media-sosial-banyak-bukti-dihapuskan-sebelum-kpdn | BERITA HARIAN |
| 26-Mar | Dua peniaga bazar Ramadan dikompaun - KPDN Johor | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1073642/dua-peniaga-bazar-ramadan-dikompaun-kpdn-johor | HARIAN METRO |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 26-Mar | Insentif kewangan kepada pengilang gula langkah sementara - Fuziah | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1227721/insentif-kewangan-kepada-pengilang-gula-langkah-sementara-fuziah | BERITA HARIAN |
| 26-Mar | Insentif kewangan kepada pengilang gula langkah sementara – Fuziah | https://www.wilayahku.com.my/insentif-kewangan-kepada-pengilang-gula-langkah-sementara-fuziah/ | WILAYAHKU |
| 26-Mar | Financial incentive for sugar manufacturers a temporary move - Fuziah | https://thesun.my/local_news/financial-incentive-for-sugar-manufacturers-a-temporary-move-fuziah-IE12256952 | THE SUN |
| 26-Mar | Financial incentive for sugar manufacturers a temporary move - Fuziah | https://www.nst.com.my/business/economy/2024/03/1030304/financial-incentive-sugar-manufacturers-temporary-move-fuziah | NEW STRAITS TIMES |
| 26-Mar | INSENTIF KEWANGAN KEPADA PENGILANG GULA LANGKAH SEMENTARA - FUZIAH | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2282477 | BERNAMA |
| 26-Mar | Subsidi tepung gandum kegunaan am dialih ke Program Payung Rahmah - Fuziah | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1073746/subsidi-tepung-gandum-kegunaan-am-dialih-ke-program-payung-rahmah-fuziah | HARIAN METRO |
| 26-Mar | SUBSIDI TEPUNG GANDUM KEGUNAAN AM DIALIHKAN KE PROGRAM PAYUNG RAHMAH - FUZIAH | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2282424 | BERNAMA |
| 26-Mar | Subsidi tepung gandum tidak ditamatkan, salur ke program Payung Rahmah | https://selangorkini.my/2024/03/subsidi-tepung-gandum-tidak-ditamatkan-salur-ke-program-payung-rahmah/ | SELANGOR KINI |
| 26-Mar | Subsidi tepung gandum tak ditamatkan, alih ke Payung Rahmah | https://www.wilayahku.com.my/subsidi-tepung-gandum-tak-ditamatkan-alih-ke-payung-rahmah/ | WILAYAHKU |
| 26-Mar | Fuziah Salleh: RM40m wheat flour subsidy diverted to Payung Rahmah initiative | https://themalaytribune.com/fuziah-salleh-rm40m-wheat-flour-subsidy-diverted-to-payung-rahmah-initiative/ | THE MALAY TRIBUNE |
| 26-Mar | Subsidi tepung gandum kegunaan am dialihkan ke program Payung Rahmah: Fuziah | https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/25/subsidi-tepung-gandum-kegunaan-am-dialihkan-ke-program-payung-rahmah-fuziah | UTUSAN BORNEO |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 26-Mar | Wheat flour subsidy diverted to Payung Rahmah initiative - Fuziah | https://thesun.my/local_news/wheat-flour-subsidy-diverted-to-payung-rahmah-initiative-fuziah-IE12256817 | THE SUN |
| 26-Mar | Fuziah Salleh: RM40m wheat flour subsidy diverted to Payung Rahmah initiative | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/25/fuziah-salleh-rm40m-wheat-flour-subsidy-diverted-to-payung-rahmah-initiative/125386 | MALAY MAIL |
| 26-Mar | Subsidi tepung gandum tak ditamatkan | https://www.buletintv3.my/nasional/subsidi-tepung-gandum-tak-ditamatkan/ | BULETIN TV3 |
| 26-Mar | Subsidi tepung gandum tidak ditamatkan | https://malaysiatribune.news/2024/03/25/subsidi-tepung-gandum-tidak-ditamatkan/ | MALAYSIA TRIBUNE |
| 26-Mar | Parlimen: Sesi awal 'panas' gara – gara barang subsidi sebelum dan selepas PRU-15 | https://www.tvsarawak.my/2024/03/25/parlimen-sesi-awal-panas-gara-gara-barang-subsidi-sebelum-dan-selepas-pru-15/ | TV SARAWAK |
| 26-Mar | Fuziah bidas Mas Ermieyati, nafi bekalan bahan asas kurang selepas PRU15 | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/25/fuziah-bidas-mas-ermieyati-nafi-bekalan-bahan-asas-kurang-selepas-pru15/ | FREE MALAYSIA TODAY |
| 26-Mar | SC terima 3,262 aduan, pertanyaan mengenai penipuan serta aktiviti tidak berlesen | https://www.sinarharian.com.my/article/656415/berita/semasa/sc-terima-3262-aduan-pertanyaan-mengenai-penipuan-serta-aktiviti-tidak-berlesen | SINAR HARIAN |
| 26-Mar | SC terima 3,262 aduan penipuan, aktiviti tidak berlesen tahun lalu | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/03/1227669/sc-terima-3262-aduan-penipuan-aktiviti-tidak-berlesen-tahun-lalu | BERITA HARIAN |
| 26-Mar | SC TERIMA 3,262 ADUAN, PERTANYAAN MENGENAI PENIPUAN SERTA AKTIVITI TIDAK BERLESEN | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2282415 | BERNAMA |
| 26-Mar | Anwar kunjungi bazar Ramadan di Ipoh | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1227826/anwar-kunjungi-bazar-ramadan-di-ipoh | BERITA HARIAN |
| 26-Mar | PM lancar BRR Peringkat Negeri Perak 2024 | https://www.kosmo.com.my/2024/03/25/pm-lancar-brr-peringkat-negeri-perak-2024/#google_vignette | KOSMO |
| 26-Mar | Ops Pantau 2024: KPDN seizes goods worth over RM400,000 nationwide | https://thesun.my/local_news/ops-pantau-2024-kpdn-seizes-goods-worth-more-than-rm400000-IE12256529 | THE SUN |
| 26-Mar | Op Pantau: KDPN catat nilai rampasan lebih RM400,000 | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/25/op-pantau-kdpn-catat-nilai-rampasan-lebih-rm400000/ | FREE MALAYSIA TODAY |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT